

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 25 Oktober 2024

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

LAPORAN STATISTIK UPAH PEKERJA (SEKTOR FORMAL) SUKU TAHUN KEDUA 2024

Median upah bulanan sektor formal meningkat sebanyak 5.6 peratus pada Jun 2024 kepada RM2,745 berbanding Jun 2023

PUTRAJAYA, 25 Oktober 2024 – Median upah bulanan sektor formal meningkat sebanyak 5.6 peratus pada Jun 2024 kepada RM2,745 berbanding Jun 2023, lapor Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada 25 Oktober dalam **LAPORAN STATISTIK UPAH PEKERJA (SEKTOR FORMAL), SUKU TAHUN KEDUA 2024**.

Mengulas lanjut tentang penemuan berdasarkan data pentadbiran ini, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia menyatakan peningkatan median upah bulanan menandakan momentum positif dalam pasaran buruh Malaysia pada suku kedua 2024 mencerminkan prestasi ekonomi negara yang kukuh. Pada Jun 2024, bilangan pekerja formal Malaysia merekodkan sebanyak 6.73 juta orang meningkat sebanyak 2.0 peratus berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya.

Merujuk kepada jantina, pada Jun 2024, bilangan pekerja formal lelaki warganegara Malaysia mencecah 3.72 juta, menyumbang 55.3 peratus dengan median upah bulanan sebanyak RM2,782. Sementara itu, pekerja formal perempuan menyumbang 44.7 peratus iaitu bersamaan dengan 3.01 juta orang dengan median upah bulanan RM2,700. Berbanding Jun 2023, median upah bulanan bagi pekerja formal lelaki dan perempuan masing-masing menunjukkan trend peningkatan sebanyak 5.2 peratus dan 6.8 peratus.

Melihat kepada perincian statistik upah pekerja mengikut kumpulan umur menunjukkan semua kumpulan umur mencatatkan peningkatan yang stabil tahun ke tahun kecuali kumpulan umur di bawah 20 tahun. Pertumbuhan tahun ke tahun tertinggi direkodkan oleh kumpulan umur 65 tahun ke atas manakala mereka yang berumur di bawah 20 tahun kekal tidak berubah pada median upah bulanan RM1,500 sejak Jun 2022. Dalam tempoh tersebut, pekerja formal berumur 45 hingga 49 tahun menerima median upah bulanan tertinggi iaitu RM3,627 (Jun 2024), manakala kumpulan umur bawah 20 tahun menerima upah terendah iaitu RM1,500 (Jun 2024).

Ketua Perangkawan menyatakan, "Median upah bulanan menunjukkan pertumbuhan positif merentas semua sektor ekonomi pada Jun 2024, berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Sektor Perlombongan & pengkuarian terus mencatatkan median upah tertinggi pada RM5,900 dengan meningkat sebanyak 13.5 peratus berbanding Jun 2024 walaupun hanya menyumbang 0.6 peratus daripada jumlah pekerja formal. Sektor Pertanian yang merangkumi 1.9 peratus daripada jumlah pekerja formal, mencatatkan median upah bulanan terendah iaitu RM2,000, menunjukkan peningkatan 3.8 peratus tahun ke tahun pada Jun 2024."

Perincian situasi upah mengikut negeri pada Jun 2024, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Tiga negeri melepassi median upah bulanan nasional sebanyak RM2,745 pada Jun 2024 dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencatatkan median upah bulanan tertinggi iaitu RM3,982, diikuti oleh Selangor pada RM3,000 dan Pulau Pinang pada RM 2,800. Walau bagaimanapun, Kelantan, Perlis dan Sabah mencatatkan median upah bulanan terendah pada tempoh yang sama dengan masing-masing mencatatkan RM1,645, RM1,682 dan RM1,864."

Mengenai taburan upah, Ketua Perangkawan Malaysia menekankan bahawa 32.2 peratus daripada jumlah pekerja formal menerima upah bulanan di bawah RM2,000, berkurang sebanyak 2.4 mata peratus berbanding Jun 2024. Selain itu, analisis persentil menunjukkan bahawa 10 peratus pekerja formal Malaysia terendah menerima upah bulanan sebanyak RM1,500 atau kurang setiap bulan, manakala pekerja formal dalam persentil ke-90 menerima sekurang-kurangnya RM8,800 setiap bulan, peningkatan sebanyak 3.5 peratus daripada Jun 2023. Jurang upah antara kedua-dua kumpulan ini menunjukkan bahawa penerima upah tertinggi (persentil ke-90) menerima hampir enam kali ganda upah daripada penerima upah terendah (persentil ke-10).

Mengakhiri kenyataannya pada keluaran hari ini, Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, "Statistik ini adalah berdasarkan sumber data pentadbiran daripada agensi yang berkaitan, memberi tumpuan kepada warganegara yang bekerja di sektor formal, khususnya di sektor swasta. Perantaian kehadapan, DOSM beriltizam untuk terus memperkuuh penyebaran

statistik upah pekerja dengan mengintegrasikan pelbagai data pentadbiran untuk pengeluaran statistik yang lebih terperinci bagi pemahaman yang lebih mendalam tentang pasaran buruh yang dinamik di Malaysia.”

Data siri masa dan maklumat lanjut berkaitan pasaran buruh boleh diperolehi dari portal Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID). Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> atau imbas kod QR di bawah.



Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.


Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

25 OKTOBER 2024


Paparan 1: Median Upah Bulanan, Januari 2022 – Jun 2024




Paparan 2: Median Upah Bulanan mengikut Jantina, April – Jun 2024




Paparan 3: Median Upah Bulanan mengikut , April – Jun 2024



Paparan 4: Median Upah Bulanan mengikut Aktiviti Ekonomi, April – Jun 2024




Paparan 5: Median Upah Bulanan mengikut Negeri, April – Jun 2024



Median upah bulanan tertinggi pada Jun 2024 direkodkan bagi **W.P. Kuala Lumpur (RM3,982)** diikuti Selangor and Pulau Pinang.

APRIL MEI JUN

**Paparan 6: Taburan pekerja formal mengikut skala upah,
Jun 2023 & Jun 2024**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
25 OKTOBER 2024**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, October 25th, 2024

MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

EMPLOYEE WAGES STATISTICS (FORMAL SECTOR) REPORT SECOND QUARTER 2024

The median monthly wages of the formal sector rose by 5.6 per cent in June 2024 to register RM2,745 compared to June 2023

PUTRAJAYA, 25 October 2024 – The median monthly wages of the formal sector rose by 5.6 per cent in June 2024 to register RM2,745 compared to June 2023, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported on 25 October in its quarterly **EMPLOYEE WAGES STATISTICS (FORMAL SECTOR) REPORT, SECOND QUARTER 2024's summary.**

Elaborating on the findings of statistics derived from administrative data, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, the Chief Statistician of Malaysia, the increase in median monthly wages signifies positive momentum in Malaysia's labour market in the second quarter of 2024, reflecting the country's strong economic performance. In June 2024, the number of Malaysian formal employees reached 6.73 million persons, representing a 2.0 per cent increase compared to the same month in the previous year.

In terms of sex, in June 2024, the number of Malaysian male formal employees reached 3.72 million persons, contributing 55.3 per cent with median monthly wages of RM2,782. Meanwhile, female formal employees accounted for 44.7 per cent, equivalent to 3.01 million persons with median monthly wages of RM2,700. Compared to June 2023, the median monthly wages for both male and female formal employees showed an increasing trend of 5.2 per cent and 6.8 per cent, respectively.

Looking at detailed wage statistics by age group indicates that all age groups experienced steady increases year-on-year except for the age group below 20. The highest year-on-year growth was recorded by the 65 and above age group while those below 20 have remained unchanged at median monthly wages of RM1,500 since June 2022. During this period, formal employees aged 45 to 49 years earned the highest median monthly wages of RM3,627 (June 2024), while those under 20 received the lowest at RM1,500 (June 2024).

The Chief Statistician noted, "The median monthly wages showed positive growth across all economic sectors during June 2024, compared to the same month in the previous year. The Mining & quarrying sector continued to record the highest median at RM5,900, which posted an increase of 13.5 per cent against June 2024 despite only accounting for 0.6 per cent of total formal employees. The Agriculture sector, comprising 1.9 per cent of the total formal employees, registered the lowest median monthly wages of RM2,000, showing a 3.8 per cent year-on-year increase in June 2024."

Further disaggregation of wages situation by the state in June 2024, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "Three states surpassed the national median monthly wages of RM2,745 in June 2024 with Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur registered the highest median monthly wages at RM3,982, followed by Selangor at RM3,000 and Pulau Pinang at RM 2,800. However, Kelantan, Perlis and Sabah recorded the lowest median monthly wages during the same period with RM1,645, RM1,682 and RM1,864 respectively."

Regarding the wage distribution, the Chief Statistician Malaysia highlighted that 32.2 per cent of total formal employees earned monthly wages below RM2,000, which was reduced by 2.4 percentage points compared to June 2024. Additionally, the percentile analysis shows that the bottom 10 per cent of Malaysian formal employees received monthly wages of RM1,500 or less per month, while formal employees in the 90th percentile earned at least RM8,800 per month, an increase of 3.5 per cent from June 2023. The wage gap between these two groups reveals that the highest earners (90th percentile) earned nearly six times more than those in the lowest wage group (10th percentile).

Concluding his statement on today's release, Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin said, "These statistics are based on administrative data sources obtained from relevant agencies, which focus on the citizens who work in the formal sector, notably in the private sector. Looking ahead, DOSM will continue to enhance the dissemination of employee wages statistics by integrating various administrative data to produce more comprehensive statistics for a deeper understanding of Malaysia's labour market dynamics."

Time series statistics and more information on the labour market can be obtained from the Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID) portal. For more information, please visit <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> or scan the QR code below.



The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”. DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
25 OCTOBER 2024**

Exhibit 1: Median Monthly Wages, January 2022 – June 2024




Exhibit 2: Median Monthly Wages by Gender, April – June 2024




Exhibit 3: Median Monthly Wages by Age Group, April – June 2024




Exhibit 4: Median Monthly Wages by Economic Activity, April – June 2024






Exhibit 5: Median Monthly Wages by State, April – June 2024



The highest median monthly wages in June 2024 was recorded in **W. P. Kuala Lumpur (RM3,982)** followed by Selangor and Pulau Pinang.

APRIL MAY JUNE

Exhibit 6: Employee Wages Distribution by Wage Scale, June 2023 & June 2024



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
25 OCTOBER 2024**